

25/08/2000

Pengindahan rumah kelahiran PM siap sebelum akhir tahun

ALOR STAR, Khamis - Projek pengindahan dan pembesaran Rumah Kelahiran Dr Mahathir Mohamad bernilai RM5.2 juta, di sini dijangka disiapkan sebelum akhir tahun ini.

Projek itu membabitkan pembinaan bangunan baru seperti auditorium dan ruang pameran, iaitu tambahan kepada rumah asal.

Timbalan Menteri Kerjaraya Mohd Khaled Nordin, berkata kontraktor dijangka tidak menghadapi masalah kerana projek berkenaan sudah siap 34 peratus sejak dimulakan Januari lalu.

"Walaupun sudah lapan bulan projek dijalankan dan baru 34 peratus siap, bukan bermakna projek itu terlewat daripada jadual yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Kedah, di sini hari ini.

Turut hadir dalam majlis berkenaan ialah Pengarah JKR negeri, Dr Nordin Yunus.

Menurutnya, kelewatan mendapatkan bahan untuk binaan kadangkala berlaku menyebabkan projek terganggu tetapi kontraktor masih mampu menyelesaikannya dalam tempoh ditetapkan.

Mengenai projek bekalan air bersih di Kedah, Mohd Khaled berkata negeri ini akan mencapai sasaran 100 peratus bekalan menjelang tahun 2005.

Pada masa ini sebanyak 98 peratus penduduk telah menikmati bekalan air dengan 340,000 pelanggan bekalan air yang mempunyai akaun dengan JKR.

"Bekalan air juga mencukupi sehingga 2010 dan JKR juga turut mempunyai rancangan untuk memastikan bekalan air mencukupi sehingga tahun 2030," katanya.

Sebelum itu, beliau mengadakan lawatan ke projek pembesaran Institut Latihan Perindustrian (ILP) di Jitra yang membolehkan jumlah pelajarannya ditambah kepada 800 orang.

(END)